

**PELAWAAN UNTUK CADANGAN (RFP)
PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN MENGURUS LANGGANAN
KAD DEBIT ATAU KREDIT ALUMNI UKM**

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempelawa syarikat pembida yang berwibawa dan berpengalaman untuk taklimat hadir ke taklimat Pelawaan Cadangan (RFP) seperti berikut:

Tajuk RFP	Harga	Tarikh & Tempat RFP Dikeluarkan	Tarikh akhir Penghantaran kertas cadangan RFP
Perkhidmatan Menyediakan dan Mengurus Langganan Kad Debit Atau Kredit Alumni UKM	RM 350.00 senaskah (tidak akan dikembalikan)	<p>Tarikh mula pembelian dokumen RFP: 16 Disember 2021 (selepas sesi taklimat dan lawatan tapak)</p> <p>Tarikh tutup pembelian dokumen RFP: 23 Disember 2021 (sebelum jam 5.00 petang)</p> <p>Tempat: Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM), Aras 4, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor</p>	<p>Tarikh: Ditutup 06 Januari 2022</p> <p>Masa: 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat: Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM), Aras 4, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor</p>
<p>Sesi Taklimat secara fizikal akan diadakan pada 16 Disember 2021 jam 2.30 petang bertempat di Bilik Senat, Aras 5, Bangunan Canselori, UKM Bangi. Bagi syarikat yang tidak dapat hadir secara fizikal, taklimat boleh dihadiri secara dalam talian melalui pautan: https://meet.google.com/xmd-jhso-eru?hs=224</p>			

2. Salinan sijil pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan salinan pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) hendaklah dikemukakan bersama.
3. Syarikat adalah diwajibkan menghadiri taklimat ini secara fizikal atau secara dalam talian. Dokumen *RFP* hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang menghadiri sesi taklimat ini sahaja
4. Syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan ketika pembelian dokumen *RFP* tersebut. Dokumen *RFP* boleh diperolehi di alamat yang dinyatakan dan dengan bayaran yang ditetapkan hendaklah dibuat secara Bank Deraf/Kiriman Wang sahaja diatas nama **Universiti Kebangsaan Malaysia**.
5. Syarikat yang tersenarai akan diminta untuk membuat satu pembentangan kepada UKM pada masa yang akan ditentukan kemudian.
6. UKM tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya atau sebarang *RFP*. UKM juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab penolakan serta tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan oleh syarikat yang mengemukakan *RFP*.
7. Pembelian dokumen yang dilakukan selepas jam **5.00 petang, 23 Disember 2021** tidak akan diterima atau dipertimbangkan.